

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Proper guidelines needed when appointing individuals to GLCs and other public bodies

Kuala Lumpur, 22 March 2023: The recent slew of appointments to GLCs have once again invited criticism from different parties. These appointments, deemed “political appointments,” should come under scrutiny due to its nature of being susceptible to allegations of conflict of interest, abuse of power and corruption. However, Malaysia lacks the adequate framework that clearly defines the criteria, parameters, and procedures that must be complied with when appointing individuals to government agencies and GLCs. As a result, “political appointments” becomes a catch-all phrase that lacks a clear definition and hence, opens up potential for misuse.

During the first Pakatan Harapan administration, a Parliamentary Select Committee on Major Public Appointments was set up, which was a good step to introduce transparency and accountability. However, the PSC was not properly utilised, and questionable political appointments to GLCs continued. “What Malaysia needs is a consolidated guideline that upholds public interest by ensuring impartiality, competence, accountability, and diversity. This can be modelled after the United Kingdom’s two important documents on appointments, the [Governance Code on Public Appointments](#) and the [Code of Conduct for Board Members of Public Bodies](#),” comments Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

“As for GLCs, we can refer to the Green Book on Enhancing Board Effectiveness issued by the Putrajaya Committee in 2006. For example, some of these stricter criteria should be applied where board members must possess the necessary knowledge, skills and the right mindset. In addition, evaluation criteria of individual directors and the Board collectively should be transparent, customised to the specific company’s needs and requirements, and explicitly linked to clear consequences for non-performance,” adds Dr Yeoh.

Verbally committing to merit alone is not sufficient, as there has to be a highly transparent recruitment and appointment process. In the UK, public appointment competitions are advertised to the public with a selection criteria with limited discretionary ministerial power subject to the advice of an independent panel. Significant key roles will go through a pre-appointment public hearing by a Select Committee and its candidate list will be published, allowing the public to be involved in the appointment of roles vital to the public. Annual reports on compliance to the relevant codes and principles, as well as real-time progress of the selection process are also disclosed to the public.

"The most important thing when making decisions on these key public appointments is consistency. Guidelines must be followed although the parties in government might change. The government must commit to a set of rules that ensure an open, transparent process is being adhered to while also taking into account ministerial discretion and other political considerations. This is a balance that must be struck to ensure the nation's most important assets and institutions are helmed by those who ultimately have the public's interest at heart," concludes Dr Yeoh.

To track political appointments in Federal Statutory Bodies (FSBs) over the last four administrations, please visit IDEAS Pantau Kuasa website. IDEAS will continue monitoring appointments in the FSBs and selected GLCs in the current government and invites the public to view the website regularly (<https://www.pantaukuasa.com/>).

--- END ---

For enquiries, please contact:

Salsabila Abdul Manan
Research Executive
Democracy and Governance Unit
salsabila@ideas.org.my

Louis Denis
External Relations Manager
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Perlu garis panduan yang betul dalam melantik individu ke jawatan GLC dan badan awam lain

Kuala Lumpur, 22 Mac 2023: Beberapa pelantikan jawatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) baru-baru ini telah mengundang kritikan pelbagai pihak. Pelantikan yang disifatkan sebagai "lantikan politik" ini, harus diteliti kerana sifatnya yang mudah terdedah kepada dakwaan konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mempunyai rangka kerja sewajarnya yang dapat menggambarkan dengan jelas kriteria, parameter dan prosedur yang mesti dipatuhi apabila melantik individu ke jawatan agensi kerajaan dan GLC. Akibatnya, "lantikan politik" menjadi satu frasa yang tidak mempunyai definisi yang jelas dan natijahnya, membuka potensi penyalahgunaan kuasa.

Semasa pentadbiran pertama Pakatan Harapan, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai Pelantikan Jawatan Utama Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan, yang merupakan satu langkah baik untuk memperkenalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Walau bagaimanapun, PSC ini tidak digunakan dengan betul, dan lantikan politik yang meragukan kepada GLC tetap diteruskan. "Apa yang Malaysia perlukan ialah garis panduan bersepadu yang menjunjung kepentingan awam dengan memastikan kesaksamaan, kecekapan, kebertanggungjawaban dan kepelbagaian. Garis panduan ini boleh dirangka berdasarkan dua dokumen penting United Kingdom mengenai pelantikan, iaitu [Governance Code on Public Appointments](#) dan [Code of Conduct for Board Members of Public Bodies](#)," ulas Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

"Bagi GLC, kita boleh merujuk kepada Buku Hijau mengenai Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Putrajaya pada tahun 2006. Sebagai contoh, beberapa kriteria yang lebih ketat ini harus diguna pakai iaitu ahli lembaga pengarah mesti memiliki pengetahuan, kemahiran dan penetapan minda yang betul. Selain itu, kriteria penilaian pengarah individu dan Lembaga Pengarah secara kolektif hendaklah telus, disesuaikan dengan keperluan tertentu syarikat, dan dikaitkan secara jelas dengan akibat bagi kegagalan mencapai prestasi yang ditetapkan," tambah Dr Yeoh.

Memberi komitmen lisan kepada merit sahaja tidak memadai, kerana perlu ada proses pengambilan dan pelantikan yang sangat telus. Di UK, pertandingan pelantikan awam diiklankan kepada orang ramai dengan kriteria pemilihan serta dengan kuasa budi bicara menteri yang terhad tertakluk kepada nasihat panel bebas. Peranan utama yang penting akan melalui pendengaran awam pra-pelantikan oleh Jawatankuasa Pilihan dan senarai calonnya akan diterbitkan, membolehkan orang ramai terlibat dalam pelantikan peranan yang penting kepada orang ramai. Laporan tahunan mengenai pematuhan kepada kod dan prinsip yang berkaitan, serta kemajuan masa nyata proses pemilihan juga didedahkan kepada orang ramai.

"Perkara paling penting semasa membuat keputusan mengenai pelantikan utama perkhidmatan awam ini adalah konsisten. Garis panduan mesti dipatuhi walaupun parti dalam kerajaan mungkin berubah. Kerajaan harus komited kepada satu set peraturan yang memastikan proses terbuka dan telus dipatuhi sambil mengambil kira budi bicara menteri dan pertimbangan politik lain. Hal ini adalah keseimbangan yang mesti dicapai untuk memastikan aset dan institusi terpenting negara diterajui oleh mereka yang mengutamakan kepentingan orang ramai," kata Dr Yeoh.

Untuk menjelaki lantikan politik dalam Badan Berkanun Persekutuan (FSB) sepanjang empat pentadbiran terakhir negara, sila layari laman sesawang Pantau Kuasa IDEAS. IDEAS akan meneruskan pemantauan pelantikan jawatan dalam FSB dan GLC terpilih dalam kerajaan semasa dan mempelawa orang ramai untuk melayari laman ini secara kerap (<https://www.pantaukuasa.com/>).

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Salsabila Abdul Manan
Eksekutif Penyelidikan
Unit Demokrasi dan Tadbir Urus
salsabila@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.